



**BERTUNGKUS-LUMUS:** Anggota bomba dan penyelamat memotong pokok tumbang yang menghempap sebuah kereta di Jalan Tun Razak, semalam.

BH 25/10/06

## KL sesak selepas hujan 2 jam

**K**UALA LUMPUR: Hujan lebat lebih dua jam bermula jam 4.30 petang, semalam menyebabkan banjir kilat di beberapa kawasan rendah dan di tepi tebing Sungai Klang, di sekitar ibu kota yang dinaiki air sedalam 0.6 meter hingga dua meter.

Banjir kilat turut menyebabkan kesesakan teruk di beberapa lebuh raya dan laluan utama di pusat bandar raya termasuk Lebuh Raya Persekutuan, Lebuh Raya Sungai Besi. Le-

buh Raya Lingkaran Tengah Dua (MRR2), Jalan Tun Razak, Jalan Dutta, Segambut, Jalan Kuching, Jalan Istana, Jalan Cheras, Jalan Puduraya, Jalan Selayang dan Jalan Travers.

Kesesakan itu berlanjutan sehingga jam 11 malam tadi, berikutan penutupan sementara laluan untuk ke persimpangan Bulatan Kampung Pandan dan Cheras ke Sungai Besi dari Kuala Lumpur City Centre (KL-CC) ditutup sementara kepada se-

mua kenderaan.

Jurucakap Bilik Gerakan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) ketika dihubungi berkata, kesesakan itu turut berpunca daripada satu kejadian tanah runtuh di Jalan Tun Razak, berhampiran Kedutaan Besar, Indonesia, menyebabkan berlaku kesesakan lalu lintas kira-kira lima kilometer.

Di jalan yang sama berhadapan Bangunan RHB Bank, seorang wanita cedera apabila kereta yang di-



**BANJIR LAGI:** Banjir kilat di hadapan Balai Polis Jalan Travers.

pandunya dihempap pokok tumpang, kira-kira jam 5 petang.

“Mangsa yang berusia 30-an itu luka di muka dan dihantar ke Hospital Kuala Lumpur (HKL) selepas berjaya dikeluarkan daripada keretanya kira-kira jam 7 malam.

“Pasukan Khas Bantuan dan Penyelamat Bencana Alam Malaysia (Smart) dan Unit Kecemasan serta Skuad Penyelamat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) turut membantu mengeluarkan mangsa yang

tersepit di dalam kereta,” katanya.

Sementara itu, jurucakap Balai Bomba Cheras ketika dihubungi berkata, beberapa batang pokok tumbang di sekitar Jalan Cheras, terutama berhadapan Cheras Leisure Mall yang menyebabkan kesesakan lalu lintas yang teruk di kawasan itu.

“Pokok yang tumbang menutup beberapa jalan. Kami sudah menghantar anggota untuk membersihkan kawasan itu,” katanya.